



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## KENYATAAN MEDIA

### PROGRAM MASKOP DAN DIGIKOP PLATFORM MEMPERKASA GERAKAN KOPERASI

---

**Kuching, 25 Jun** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah menganjurkan Program Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) dan Program Transformasi dan Digitalisasi (DigiKoP) yang disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi bertempat di Kuching, Sarawak.

Pada majlis ini, YB Menteri telah menyampaikan geran bantuan dan pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM) kepada tiga koperasi berjumlah RM1.45 juta manakala sijil dan *plaque* pula kepada empat Koperasi dibawah program *Million Ringgit Coop League* (MiRiCLe) kelolaan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang merupakan program jangka panjang bagi meningkatkan pendapatan dan pengukuhan tadbir urus koperasi.

Antara objektif penganjuran program MASKOP ialah untuk memupuk semangat berkoperasi di samping meningkatkan pengetahuan orang ramai berkaitan koperasi sekali gus menjadi platform untuk menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan gerakan koperasi kepada orang awam. Melalui program ini juga, KUSKOP berharap mesej untuk membudayakan koperasi dalam kalangan setiap lapisan masyarakat dapat diperkukuhkan dan menjadikan koperasi

sebagai gaya hidup dalam menangani masalah kos sara hidup yang semakin tinggi.

Pelbagai pengisian menarik juga turut diadakan seperti forum bertajuk Manfaat Berkoperasi dibarisi panel jemputan daripada SKM, IKMa dan ANGKASA bagi menerangkan lanskap koperasi negara serta fungsi dan peranan masing-masing dalam menggerakkan dan membangunkan sektor koperasi.

Selain itu, sesi taklimat daripada Co-opBank Pertama (CBP) dan Koperasi KOPERKASA Sarawak Berhad juga disediakan bagi menerangkan kepada para peserta berkenaan kebaikan dan manfaat berkoperasi dengan menjadi ahli koperasi CBP. Kedua-dua koperasi ini merupakan antara koperasi yang cemerlang dan tersenarai di dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2023.

Melalui Program DigiKoP pula, KUSKOP dengan kerjasama MYNIC, salah satu agensi di bawah Kementerian Digital telah menyampaikan taklimat berkaitan penyampaian maklumat secara digital sebagai salah satu langkah untuk mempersiapkan anggota koperasi mengadaptasi penggunaan teknologi digital dalam pengurusan dan aktiviti perniagaan koperasi.

KUSKOP sebelum ini telah melaksanakan beberapa Program MASKOP dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan beberapa koperasi terpilih bagi berkongsi kejayaan dan manfaat berkoperasi.

Atas dasar keprihatinan kepada masyarakat dan komuniti, KUSKOP melalui ANGKASA juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan CSR kepada 30 anggota koperasi di sekitar Kuching berbentuk bakul makanan terdiri daripada barangan keperluan asas bernilai RM100 setiap bakul dan

baucar membeli barangan mentah bernilai RM50. Program Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) turut diadakan di perkarangan Kompleks Persekutuan Negeri Sarawak dengan tawaran potongan harga sehingga 30 peratus bagi barangan keperluan asas harian seiring dengan elemen “Kesejahteraan” Malaysia MADANI.

Diharapkan agar penggemblengan tenaga dan usaha agensi-agensi kerajaan, koperasi dan usahawan yang terlibat dalam program ini akan mencapai satu matlamat yang sama dalam menjayakan visi KUSKOP iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan unggul yang bersatu, makmur dan bermaruah.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**25 JUN 2024**